

26 MAY 1999

# MENTERI LUAR TUNISIA MULAKAN LAWATAN RASMI HARI INI

KUALA LUMPUR, 26 Mei (Bernama) -- Menteri Luar Tunisia, Said Ben Mustapha memulakan lawatan rasmi tiga hari ke Malaysia hari ini atas jemputan rakan sejawatnya, Datuk Seri Syed Hamid Albar, kata kenyataan Kementerian Luar hari ini.

Beliau diiringi delegasi lapan anggota daripada Kementerian Luar Tunisia, Kementerian Perdagangan dan Kementerian Kerjasama Antarabangsa dan Pelaburan Asing.

Turut sama dalam rombongan itu ialah para pegawai daripada Pusat Promosi eksport (CEPEX), Kesatuan bagi Industri, Perdagangan dan Kraftangan (UTICA), Agensi Promosi Pelaburan Asing (FIPA) dan Kumpulan Kimia Tunisia (GCT).

Esok, Ben Mustapha akan mengadakan perbincangan dua hala mengenai isu kepentingan bersama dengan Syed Hamid di Wisma Putra dan diikuti sidang media oleh Syed Hamid di Institut Diplomasi dan Hubungan Luar (IDFR) kemudian.

Ben Mustapha juga dijadual mengunjungi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, kata kenyataan itu.

Menteri Luar itu juga akan berbincang dengan Menteri Pertanian, Datuk Amar Dr Sulaiman Daud, Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding dan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan yang baru, Datuk Kadir Sheikh Fadzir.

Menteri Luar negara di Afrika Utara itu juga dijadual mendengar taklimat oleh Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA), Unit Perancang Ekonomi (EPU) dan Petronas.

-- BERNAMA  
MHI AHH LAT